

Gerbang Harga Minyak Sawit Malaysia Timur

FEPO

Niaga Hadapan
Minyak Sawit Mentah
Malaysia Timur

Didagangkan di
Bursa Malaysia



APAKAH FEPO?

FEPO ialah kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah dalam denominasi Ringgit Malaysia (RM) yang didagangkan di Bursa Malaysia Derivatives. Ia yang memberi laluan kepada peserta pasaran untuk penemuan harga pasaran minyak sawit mentah di Malaysia Timur.

Pengenalan FEPO melengkapkan kontrak FCPO sedia ada, memperkukuh kompleks sawit Bursa Malaysia Derivatives dan seterusnya memperteguh kedudukan Malaysia sebagai pusat penemuan harga utama minyak sawit yang didagangkan di seluruh dunia. Kontrak FEPO patuh Shariah.



Ciri-ciri



SAIZ KONTRAK

Setiap Kontrak FEPO adalah bersamaan dengan 25 metrik tan minyak sawit mentah



PENYELESAIAN

Serahan fizikal



PELABUHAN SERAHAN

Sabah: Lahad Datu dan Sandakan
Sarawak: Bintulu



TARIKH MATANG

Hari ke-15 bulan terkini

Apakah Kod Ticker untuk Kontrak FEPO?

- ▶ CME Globex®
BMD\FEPO\DEC21
- ▶ Bloomberg
FEDA Comdty DES <GO>
- ▶ Refinitiv
<FEPO> + <Kod Bulan> + <Kod Tahun>
Rantai RIC: <0#FEPO:>
- ▶ Perkhidmatan Data ICE
F:FEPO\MY, yang mana M ialah kod bulan dan YY ialah nombor tahun
Contoh: F:FEPO\Z21 untuk Disember 2021

MENGAPA BERDAGANG DALAM FEPO?



Akses Global

FEPO didagangkan secara elektronik di CME Globex®, iaitu sebuah platform dagangan elektronik global. Akses kepada CME Globex® adalah mudah dan membolehkan pedagang individu dan profesional di seluruh dunia untuk mengakses kesemua produk Bursa Malaysia Derivatives.



Mengurus Risiko Harga

Syarikat perladangan, kilang penapis, pengeksport dan pengilang boleh menggunakan FEPO untuk mengurus risiko dan melindungi nilai daripada risiko pergerakan harga yang tidak menentu dalam pasaran fizikal.



Penemuan Harga

FEPO akan meningkatkan daya saing dan memberikan penemuan harga yang lebih luas untuk pasaran Minyak Sawit Mentah Malaysia Timur.



Mengarbitraj Peluang

Ketersediaan FEPO memberikan peluang mengarbitraj dengan FCPO, apabila meja komoditi, pengarbitraj dan firma perdagangan proprietari dapat memanfaatkan perbezaan harga antara kedua-dua kontrak.

ATURAN SERAHAN FIZIKAL UNTUK PENJUAL

01



- a) Penjual memaklumkan kepada Peserta Penjelasan tentang niatnya untuk membuat serahan
- b) Penjual menyerahkan CPO berserta dokumen penjejakan

02



- PTI¹ untuk memeriksa perkara berikut:**
- Kuantiti CPO yang diserahkan
 - Nilai FFA², M&I³ dan DOBI⁴ yang dipenuhi
 - Dokumen penjejakan yang dihantar oleh Penjual

04



Penjual memaklumkan kepada Peserta Penjelasan setelah menerima e-NSR⁵ daripadanya

03



PTI untuk mengeluarkan e-NSR sekiranya semua syarat dipenuhi

05



Peserta Penjelasan Penjual memaklumkan Pusat Penjelasan

06



Pusat Penjelasan memperuntukkan kepada Peserta Penjelasan Pembeli

ATURAN SERAHAN FIZIKAL UNTUK PEMBELI

01



Setelah peruntukkan oleh Pusat Penjelasan, Pembeli membuat pembayaran penuh kepada Peserta Penjelasan

02



Peserta Penjelasan membuat pembayaran kepada Pusat Penjelasan

04



Pembeli mengumpulkan minyak daripada PTI

PTI memberikan dokumen penjejakan minyak kepada Pembeli setelah minyak diambil

03



Pusat Penjelasan memberikan e-NSR kepada Pembeli melalui Peserta Penjelasan

Dokumen penjejakan:

- Syarikat Induk Penjual
- Pihak Pengilang
- Alamat Pengilang
- Koordinat Pengilang: Latitud dan Longitud
- Kuantiti CPO diterima dalam TM
- Nombor Pensijilan MSPO

PTI¹ - Pemasangan Tangki Pelabuhan

FFA² - Asid Lemak Bebas

M&I³ - Kelembapan dan Bendasing

DOBI⁴ - Kemerosotan Indeks Kebolehlunturan

e-NSR⁵ - Resit Penyimpanan e-Boleh Runding

CONTOH DAGANGAN (PASARAN MENURUN)


SENARIO:

BULAN SEMASA:
01 MAC



Pengeluaran meningkat.
Jangkaan: Harga CPO akan
menurun pada bulan Mac.

4 BULAN KEMUDIAN:
30 JUN



Penurunan harga
CPO

Merujuk kepada pengeluaran buah sawit yang tinggi di Malaysia Timur pada tahun ini, Hariz menjangka harga Minyak Sawit Mentah tempatan akan jatuh.

Untuk memperoleh keuntungan daripada pasaran menurun, beliau boleh menggunakan Kontrak FEPO dengan cara berikut:

Kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah Malaysia Timur (FEPO) didagangkan pada harga RM3,550


CARA MENGGUNAKAN KONTRAK FEPO UNTUK MENDAPAT KEUNTUNGAN DARI PASARAN MENURUN:



BULAN SEMASA:
01 MAC



4 BULAN KEMUDIAN:
30 JUN



FEPO dijangka akan **JATUH**

LANGKAH 1
Jual satu Kontrak FEPO pada RM3,550

Andaikan FEPO menurun ke RM3,510

LANGKAH 2
Tutup kedudukan jual sedia ada dengan membeli balik satu Kontrak FEPO pada RM3,510

Untung kasar atas FEPO: RM1000 (RM40 x 25)

Dia juga boleh menggunakan strategi yang sama untuk pasar menaik (beli rendah - jual tinggi).

Nota:

1. Margin Awal perlu didepositkan dengan Broker Niaga Hadapan sebelum mula berdagang.
2. Kedudukan terbuka tertakluk kepada penandaan kepada mark-to-market (nilai saksama) harian yang mungkin memerlukan deposit margin tambahan.
3. Kos transaksi telah dikecualikan dalam contoh ini.



UNTUNG KASAR:
RM (3,550 - 3,510) 25MT = RM1,000



CONTOH DAGANGAN (PASARAN MENAIK)

SENARIO:

BULAN SEMASA:
01 MAC



Harga Minyak Mentah dijangka naik, ini juga akan mempengaruhi harga CPO.

4 BULAN KEMUDIAN:
30 JUN



Kenaikan harga CPO

CARA MENGGUNAKAN KONTRAK FEPO UNTUK MENDAPAT KEUNTUNGAN DARI PASARAN MENAIK:



BULAN SEMASA:
01 MAC



Beli 1 Kontrak FEPO pada RM3,550

4 BULAN KEMUDIAN:
30 JUN



Jual 1 Kontrak FEPO pada RM3,590

MYR3,550



MYR3,590



UNTUNG KASAR:
RM (3,590 - 3,550) 25MT = RM1,000

Jason memerhatikan peningkatan harga Minyak Mentah lazimnya dicerminkan dalam peningkatan harga Minyak Sawit Mentah. Dia meramalkan kenaikan harga Minyak Mentah. Untuk mendapatkan keuntungan daripada pasaran menaik, dia boleh menggunakan Kontrak FEPO dengan cara berikut:

Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah Malaysia Timur (FEPO) diperdagangkan pada harga RM3,550

FEPO dijangka akan NAIK

LANGKAH 1

Beli satu Kontrak FEPO pada RM3,550

Andaikan FEPO naik ke RM3,590

LANGKAH 2

Tutup kedudukan beli sedia ada dengan menjual satu Kontrak FEPO pada RM3,590

Untung kasar atas FEPO: RM1,000 (RM40 x 25)

Dia juga boleh menggunakan strategi yang sama untuk mana-mana petunjuk lain dalam pasaran menaik.

Nota:

1. Margin Awal perlu didepositkan dengan Broker Niaga Hadapan sebelum mula berdagang.
2. Kedudukan terbuka tertakluk kepada penandaan kepada mark-to-market (nilai saksama) harian yang mungkin memerlukan deposit margin tambahan.
3. Kos transaksi telah dikecualikan dalam contoh ini.

SOALAN LAZIM

1. Apakah perbezaan antara FEPO dan FCPO?

Terdapat 3 perbezaan utama antara FEPO dengan FCPO seperti berikut:

- (a) Waktu Perdagangan
- (b) Pelabuhan Serahan
- (c) Had Pegangan Spekulatif

Perbezaan spesifikasi kontrak antara FEPO dan FCPO diringkaskan dalam jadual di bawah:

Spesifikasi Kontrak	FCPO	FEPO
Waktu Perdagangan	Perdagangan bermula pada jam 1030 (10:30 pagi)	Perdagangan bermula pada jam 0900 (9:00 pagi)
Pelabuhan Serahan	Pelabuhan Klang, Pasir Gudang, Butterworth	Lahad Datu, Sandakan dan Bintulu
Had Pegangan Spekulatif	1,500 kontrak untuk bulan terkini 20,000 kontrak untuk mana-mana satu bulan kontrak kecuali bulan terkini 30,000 kontrak untuk semua bulan digabungkan	800 kontrak untuk bulan terkini 10,000 kontrak untuk mana-mana satu bulan kontrak kecuali bulan terkini 15,000 kontrak untuk semua bulan digabungkan

2. Mengapakah kita mempunyai FEPO dan tidak memasukkan pelabuhan serahan Malaysia Timur ke dalam FCPO?

Memiliki perbezaan yang jelas antara pelabuhan serahan untuk FCPO dan FEPO dapat memenuhi keperluan pembeli dan penjual minyak sawit mentah berdasarkan lokasi geografi mereka. Melalui pelabuhan serahan Malaysia Timur yang ditentukan di FEPO, wujud akses yang lebih besar bagi penjual dan pembeli minyak sawit mentah Malaysia Timur untuk mengambil bahagian dalam proses serahan fizikal tanpa perlu menanggung kos logistik tambahan untuk membuat dan mengambil serahan di Pelabuhan Klang, Pasir Gudang atau Butterworth melalui FCPO.

3. Berapakah yuran yang dikenakan oleh Bursa untuk berdagang kontrak FEPO?

Yuran yang dikenakan untuk berdagang dagangan kontrak FEPO adalah sama dengan FCPO:

Per Kontrak Per Hala	
Yuran Pertukaran (RM)	Yuran Penjelasan (RM)
2:00	1:00

(Halaman ini sengaja dibiarkan kosong)

Buka Akaun Dagangan Niaga Hadapan dengan salah satu Broker Niaga Hadapan berlesen Bursa Malaysia Derivatives untuk mula berdagang.

Sila rujuk senarai Peserta Dagangan kami di
www.bursamalaysia.com

Untuk maklumat lanjut dan kemas kini terkini:
Layari laman web Bursa Malaysia



Penafian:

Risalah ini disediakan untuk tujuan maklumat umum sahaja. Maklumat yang terkandung di dalamnya bukanlah nasihat kewangan atau perdagangan dan ia tidak mengesyorkan mana-mana produk yang dinyatakan di sini. Walaupun langkah-langkah telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat dalam risalah ini, Bursa Malaysia Berhad dan syarikat kumpulannya termasuk Bursa Malaysia Derivatives Berhad (“Bursa Malaysia”) tidak menjamin atau mewakili, secara nyata atau tersirat mengenai ketepatan atau kesempurnaan maklumat di dalamnya. Bursa Malaysia Derivatives dan Kumpulan Bursa Malaysia tidak menjamin atau menjamin prestasi apa-apa produk yang dirujuk dalam risalah ini.

Semua undang-undang, keperluan pengawalseliaan dan peraturan yang terpakai, termasuk Peraturan semasa Bursa Malaysia Derivatives dan Peraturan Bursa Derivatives Clearing hendaklah dirujuk selaras dengan risalah ini. Bursa Malaysia Derivatives dan Kumpulan Bursa Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti untuk mana-mana keputusan kewangan atau perdagangan yang dibuat atas dasar maklumat ini. Anda dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat bebas sebelum membuat keputusan kewangan, pelaburan atau perdagangan.

BURSA MALAYSIA BERHAD

197601004668 (30632-P)

Exchange Square, Bukit Kewangan,
50200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +(603) 2034 7000

Faks: +(603) 2026 3584

Emel: futures@bursamalaysia.com